

KOLEKSI JELAJAH GLOBAL



**PERTUBUHAN
dan
KERJASAMA
SEDUNIA**

MOHD ALI ATAN

PH PENERBITAN HARTAMAS

Penerbitan Hartamas

23 Jalan 3/57 B,
Off Jalan Segambut Bawah,
Segambut, 52100 Kuala Lumpur.

© **Penerbitan Hartamas**

Cetakan Pertama 2005

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Pertubuhan dan kerjasama sedunia / penyusun Mohd. Ali Atan.

(Koleksi jelajah global)

ISBN 983-034--241-7 (set)

ISBN 983-034-236-0

1. International cooperation--Juvenile literature. 2. International organization--Juvenile literature. 3. International relations--Juvenile literature. I. Mohd. Ali Atan. II. Siri.
327.17

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran, ditukarkan ke dalam apa bentuk sekalipun, sama ada secara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu daripada **Penerbitan Hartamas**.

M
327.17
MAA
f

Dicetak di Malaysia oleh:
Grand Art Printing & Packaging Sdn. Bhd.
31, Jalan Jasa Merdeka 1A,
Taman Datuk Thamby Chik Karim,
Batu Berendam,
75350 Melaka.



17 MAY 2005
Perpustakaan Negara

Prakata

Terdapat pelbagai kejadian yang berlaku di seluruh dunia. Setiap kejadian itu mempunyai alasan tersendiri yang dapat dikaji kesan baik dan buruknya.

Justeru siri Koleksi Jelajah Global mengandungi bahan bacaan berunsur fakta dan pengetahuan umum berkaitan isu-isu yang bersifat antarabangsa, termasuklah isu-isu terkini yang mendapat liputan media.

Koleksi Jelajah Global terbahagi kepada lapan tajuk utama diklasifikasikan dalam beberapa bidang yang berbeza merangkumi isu politik, ekonomi, teknologi maklumat, sosial, sejarah antarabangsa dan isu-isu semasa seperti memerangi keganasan.

Koleksi Jelajah Global sesuai sebagai bahan rujukan untuk membantu para pelajar memahami dengan lebih terperinci akan isu-isu yang berlaku di peringkat global, menajamkan minda dan daya fikir sambil membuat analisis perkembangan yang sudah, sedang dan akan berlaku seterusnya.

Siri ini dilengkapi gambar-gambar berkaitan topik yang diperkatakan, glosari serta ruangan menguji minda.

Penerbit

K A N D U N G A N

Pertubuhan dan Kerjasama Sedunia

Bab 1 : PERTUBUHAN ANTARABANGSA	1
Bab 2 : PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU	4
Bab 3 : PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA	11
Bab 4 : PERTUBUHAN KOMANWEL	14
Bab 5 : PERTUBUHAN NEGARA ISLAM	19
Bab 6 : PERGERAKAN NEGARA BERKECUALI	22
Bab 7 : PERTUBUHAN NEGARA ASIA TENGGARA	26
Bab 8 : TABUNG KEWANGAN ANTARABANGSA	30
Bab 9 : KUMPULAN G-15	34
Bab 10 : MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI ASIA TIMUR	36
Bab 11 : KERJASAMA EKONOMI AISA PASIFIK	39
Bab 12 : DIALOG SELATAN-SELATAN	41
GLOSARI	42
SOALAN	44



PERTUBUHAN ANTARABANGSA

PENGENALAN

Kita harus menerima hakikat betapa dalam era kehidupan globalisasi hari ini, dunia secara keseluruhannya telah kian mengecil. Hubungan komunikasi dengan mudah melangkau tembok sempadan sesebuah negara.

Jarak pemisah antara sebuah negara dengan negara yang lain juga kian kurang dirasakan apabila sistem pengangkutan udara yang serba canggih menjadikan perjalanan kian singkat.

Malah hubungan komunikasi dari aspek bahasa juga bukan masalah besar untuk kehidupan manusia sejagat. Hal ini disebabkan beberapa bahasa utama dunia telah diiktiraf sebagai bahasa antarabangsa terutama penguasaan bahasa Inggeris.

Hal ini menjadikan kita tidak kekok walaupun berada di negara orang selagi ada orang yang dapat berkomunikasi dengan kita menggunakan bahasa antarabangsa yang difahami bersama.

Justeru dalam suasana kehidupan sebegini, hubungan antara sebuah negara dengan negara yang lain juga perlu bertaut rapat. Ini akan memudahkan apa jua bentuk kerjasama yang terjalin antara sebuah negara dengan negara yang lain.

Kerjasama antara negara menjadi lebih mudah dan amat berkesan sekiranya negara-negara tersebut berada dalam suatu pakatan kerjasama yang terangkum dalam sesebuah pertubuhan.

Pertubuhan bersifat antarabangsa yang diwujudkan pula boleh berlaku dalam bentuk pertubuhan ekonomi, politik, budaya dan adat resam, keagamaan, dan sebagainya. Ia akan melibatkan apa jua negara selagi termasuk dalam lingkungan bidang aktiviti pertubuhan berkenaan.

Kelebihan berjuang dalam sesebuah pertubuhan berbanding sebuah negara adalah suara pertubuhan jauh lebih kuat dan berpengaruh untuk memastikan sesuatu matlamat yang diperjuangkan lebih berkesan dicapai.

Keadaan tentu berbeza apabila sesebuah negara bertindak secara bersendirian tanpa sokongan negara-negara lain.

Biasanya perjuangan yang seperti ini amat sukar mendatangkan hasil yang diharapkan.


Kewujudan pertubuhan antarabangsa secara umumnya bertujuan untuk mengatasi pelbagai bentuk permasalahan sejagat yang timbul di kalangan negara-negara anggota yang boleh menggugat ketenteraman dan keamanan dunia.

Pertubuhan-pertubuhan yang wujud serta merangkumi aspek politik, ekonomi dan sosial biasanya tidak memihak kepada satu-satu pihak sahaja dan bukan juga bertujuan untuk mengaut keuntungan, menindas orang lain dan sebagainya.

Justeru dengan adanya pertubuhan antarabangsa, setiap negara di dunia ini berpeluang untuk menyertainya bagi sama-sama menjana pembangunan negara yang akhirnya dapat mengatasi masalah kemiskinan, kebuluran, peperangan dan lain-lain lagi.

Secara umumnya, dalam bidang hubungan antarabangsa, semua negara adalah saling bergantung antara satu sama lain.

Tiap-tiap negara tidak boleh hidup bersendirian atau memencilkan diri daripada kelompok negara-negara jirannya.



HAEL ini mewakili kepentingan sudut lain mengenai suatu isu antarabangsa yang mereka sukai. Kerjasama pada alat senjata mereka meningkat.



KERJASAMA semua peringkat dalam pemuliharaan alam sekitar dapat mengurangkan berlakunya kejadian pencemaran alam sekitar yang berbahaya seperti ini.

Sebaliknya mereka terpaksa mengadakan hubungan dengan negara-negara lain dan menyertai pertubuhan dunia yang ditubuhkan sebagai salah satu cara memperkasakan diri.

Negara-negara yang kaya misalnya perlu mengadakan hubungan ekonomi dengan negara-negara yang sedang membangun dan begitulah sebaliknya untuk sama-sama menikmati hasilnya.

Dengan cara ini pembangunan di seluruh dunia akan bersifat menyeluruh dan memberikan kebaikan kepada semua pihak yang terlibat.



PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU

PENGENALAN

Hari ini dunia berhadapan dengan pelbagai kemelut antarabangsa yang perlu ditangani dengan segera. Antaranya adalah isu yang berkaitan dengan aktiviti keganasan, alam sekitar, **pelampau** agama, peperangan dan sebagainya.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) merupakan badan dunia yang sentiasa dirujuk apabila berlakunya isu-isu di atas, atau sebarang perkara lain yang diyakini boleh menggugat keamanan dan kemakmuran sejagat.

PBB adalah sebuah badan antarabangsa yang paling penting sekali di dunia. Ini disebabkan PBB diwakili oleh setiap buah negara yang merdeka di dunia.

Sejarahnya bermula apabila Perang Dunia Pertama telah menyaksikan kehancuran beberapa buah negara. Rentetan dari itu timbul kesedaran beberapa orang pemimpin dunia untuk mewujudkan suatu kerjasama dan perpaduan yang berbentuk rundingan dan perbincangan antara negara.

Dengan cara ini, sebarang konflik atau pertelagahan antara negara dapat mengelak daripada berlakunya perang.



HARI ini terdapat pelbagai konflik antarabangsa yang memerlukan peranan dan bantuan PBB untuk menyelesaikannya.

Liga Bangsa-bangsa merupakan pertubuhan dunia yang pertama ditubuhkan pada 1918. Meskipun begitu, pergolakan politik yang berlaku selepas itu menyaksikan dunia sekali lagi berhadapan dengan perang apabila meletusnya Perang Dunia Kedua antara tahun 1939 hingga tahun 1945.

Menyedari pergolakan dan peperangan tidak menguntungkan sesiapa, tokoh-tokoh daripada 50 buah negara telah berhimpun di San Francisco sebaik sahaja berakhirnya Perang Dunia Kedua.

Mereka berusaha untuk mencari jalan penyelesaian bagi mewujudkan kedamaian dunia yang berkekalan. Akhirnya kata sepakat termeterai hingga tertubuhlah yang dinamakan Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) pada 24 Oktober 1945.

PBB dianggotai oleh 178 buah anggota dan keanggotaan PBB terbuka kepada semua negara yang merdeka dengan syarat mereka bersetuju dan mematuhi piagam PBB. Kini ibu pejabat PBB bertempat di New York, Amerika Syarikat.

Sejak itu PBB telah memainkan pelbagai peranan untuk memenuhi fungsi penubuhannya. PBB telah menjadi tempat rujukan mana-mana negara yang



BERKONFLIK meja bulat sejuran PBB dapat menenangkan negara-negara yang bermasalah untuk duduk berunding mencapai penyelesaian.

berkonflik dalam usaha mengelak peperangan. PBB berusaha menjadikan dunia tempat selamat untuk didiami.

MATLAMAT PENUBUHAN

Matlamat utama PBB sebagaimana yang dipersetujui negara-negara yang menubuhkannya adalah:

- Mengawal dan mengekalkan keamanan dunia
- Mengembangkan kerjasama antarabangsa yang mencakupi bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan.
- Mempertinggi bak-bak asasi manusia tanpa mengira kaum, warna dan agama yang dianuti.

Bagi memastikan urusan PBB berjalan dengan lancar dan teratur,

terdapat beberapa badan utama yang diwujudkan dalam organisasi ini.

Ia terdiri daripada yang berikut. Majlis Perhimpunan Agung berfungsi membahaskan segala perkara yang berkaitan dengan matlamat-matlamat penubuhan dan perjuangan PBB. Majlis ini dianggotai oleh wakil dari semua negara yang terlibat.

Majlis Keselamatan berfungsi mengawal dan mengekalkan keamanan dunia serta sedaya-upaya menghentikan pencerobohan terhadap negara yang berdaulat.

Ia dianggotai 15 buah negara dengan lima anggota tetap yang terdiri daripada Amerika Syarikat, Perancis, Britain, China dan Rusia.

Majlis Amanah pula berfungsi menyediakan negara-negara yang belum merdeka yang telah diberi taraf berkerajaan sendiri.



Majlis ini dianggotai oleh negara yang mentadbir wilayah amanah, anggota-anggota tetap Majlis Keselamatan yang tidak mentadbir wilayah amanah dan anggota-anggota yang dipilih Majlis Perhimpunan Agung.

Majlis Ekonomi dan Sosial bermatlamat untuk mengkaji dan menyelesaikan pelbagai masalah sosial dan ekonomi dunia. Majlis ini mempunyai 18 anggota yang dipilih oleh Majlis Perhimpunan Agung.

Sekretariat pula bertugas melaksanakan segala tugas pentadbiran PBB. Setiausaha Agung akan bertindak sebagai pentadbir utama pertubuhan dunia ini dan dibantu pegawai-pegawai lain.

Mahkamah Pengadilan Antarabangsa di bawah payung PBB berusaha menyelesaikan persengketaan undang-undang antara negara-negara yang berkonflik.

Mahkamah ini mempunyai 15 orang pengadil yang dipilih oleh Majlis Perhimpunan Agung dan Majlis Keselamatan serta tidak memihak terhadap mana-mana negara kecuali untuk menegakkan keadilan.

Apa yang dapat diperkatakan, sehingga kini PBB merupakan satu badan dunia yang acap kali diberi peluang untuk menyelesaikan apa jua bentuk pertikaian yang berlaku di dunia. Dengan mengutamakan kedamaian dan keamanan, segala permasalahan yang berlaku di dunia cuba diatasi penuh berhati-hati.



KESAN serangan terhadap World Trade Centre (WTC) di Amerika Syarikat menyebabkan penduduk dunia hidup dalam ketakutan diserang pengganas.

SETIAUSAHA AGUNG

Setiausaha Agung adalah jawatan yang paling penting dalam PBB. Malah ada kalanya kejayaan atau kegagalan PBB akan diukur melalui kepimpinan Setiausaha Agung menjalankan tugas-tugasnya.

Semenjak ditubuhkan, PBB telah dipimpin oleh beberapa orang Setiausaha Agung. Pelantikan Setiausaha Agung biasanya perlu mendapat **restu** daripada negara kuasa besar dunia.

Antaranya Setiausaha Agung PBB terdiri Trygve Lie, Dag Hammarskjold, U Thant, Kurt Waldheim, Javier Perez, Beutros Beutros Ghali dan Koffi Annan. Mereka telah melakukan tugas dengan cemerlang biarpun sentiasa mendapat kritikan daripada pelbagai pihak.

HAK ASASI MANUSIA

Antara perkara paling penting yang diperjuangkan oleh PBB adalah pengkalan hak asasi manusia seluruh dunia daripada diganggu-gugat. Perkara berkaitan hak asasi juga menjadi asas perjuangan negara-negara Barat.

Antara keperluan hak asasi manusia yang diperjuangkan adalah hak-hak untuk mendapatkan makanan, pakaian dan tempat tinggal. Oleh itu, setiap orang berhak memperolehnya tanpa mengira warna kulit, kedudukan, darjat, negara mahupun agama yang dianuti.


Menafikan seseorang mendapatkan keperluan asas itu dikira sebagai satu **pencabulan** dan pihak terbabit wajar dihukum seberat-beratnya.

Ringkasnya, hak asasi manusia adalah hak yang tidak boleh dipisahkan dan memberi kebebasan yang layak bagi setiap insan sebagai seorang manusia. Hak-hak asasi manusia tersebut akan menjamin maruah dan harga diri mereka serta menggalakkan kebaikan insani.

Hak asasi manusia adalah berbentuk sejagat dan tidak boleh dipisah-pisahkan dan saling bergantung.

Ini bermakna hak-hak tersebut adalah keupayaan semula jadi setiap insan di muka bumi ini dalam meneruskan kehidupan. Hak-hak tersebut merujuk kepada kebebasan asasi seperti mana yang termaktub di bawah 30 perkara Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat yang telah diisytiharkan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada 10 Disember 1948.

Pengisytiharaan bersejarah ini mengumumkan bahawa setiap manusia dilahirkan bebas dan sama rata dari segi maruah dan hak.



MENAKLUK negara lain juga suatu pencabulan terhadap hak asasi orang lain.



SESETENGAH pemerintah menahan mereka yang menentang kepimpinannya hingga mencabul hak asasi rakyat secara berleluasa.

HAK YANG DILINDUNGI

Antara hak-hak asasi bagi seseorang manusia termasuklah:

1. Hak untuk hidup, kebebasan dan keselamatan diri terjamin.

Di bawah hak asasi ini setiap manusia di dunia berhak untuk hidup dengan aman damai tidak kira sama ada seseorang itu dari kalangan yang berharta, miskin dan sebagainya.

2. Hak untuk dilindungi oleh undang-undang yang sama.

Undang-undang yang dibentuk bertujuan melindungi setiap di antara kita agar tidak melakukan sesuatu yang boleh memudaratkan diri sendiri dan orang di sekeliling.

Di bawah undang-undang yang dibentuk, setiap kesalahan yang dilakukan akan dikenakan hukuman yang setimpal tanpa mengira status seseorang. Bersalah tetap bersalah tanpa sebarang **kompromi**.

3. Hak kebebasan memberi pendapat dan bersuara.

Setiap orang mempunyai hak dan kebebasan untuk bersuara dan mengeluarkan pendapat berhubung sesuatu perkara seperti menyatakan rasa tidak puas hati, membantah dan seumpamanya.

4. Hak kebebasan berfikir, kesedaran dan beragama. Tanpa paksaan, setiap orang berhak memilih agama yang hendak dianuti. Tidak kira agama apa



yang dianuti, setiap agama perlu menghormati agama lain.

5. Hak kebebasan daripada gangguan sembarangan terhadap hak persendirian, keluarga, kediaman dan surat-menyurat.

6. Hak kebebasan untuk bergerak dan bermastautin di dalam negara sendiri.

Tanpa mengongkong atau menyekat kebebasan seseorang, mereka bebas bergerak ke mana sahaja yang mereka mahu selagi ianya tidak melanggar undang-undang yang sedia ada.

7. Hak kebebasan daripada seksaan atau layanan dan hukuman yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau merendahkan martabat.

Mereka yang dipenjarakan atas kesalahan tertentu tidak seharusnya dilayan dengan buruk dan tidak berperikemanusiaan.

8. Hak percaraan awam yang adil dan dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan kesalahan.

Seseorang yang dituduh melakukan kesalahan mempunyai hak untuk dibicarakan sebelum mahkamah menjatuhkan hukuman ke atasnya yang ia benar-benar bersalah atau tidak.

SISIPAN INFORMASI

Majlis Keselamatan dalam PBB mengawal keamanan dunia serta berusaha menghentikan sebarang bentuk pencerobohan.

Lima anggota tetap Majlis Keselamatan terdiri daripada Amerika Syarikat, Perancis, Britain, China dan Rusia.

Negara-negara anggota tetap ini mempunyai kuasa veto atau kuasa pembatal.

Kuasa pembatal bermaksud mereka boleh membatalkan apa juga resolusi yang dikemukakan dalam PBB bagi memenuhi agenda mereka.



PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA

PENGANTARAN

Memiliki kesihatan yang baik adalah menjadi impian dan harapan semua orang. Ini memandangkan hanya kesihatan yang baik membolehkan kita melakukan apa jua aktiviti yang disukai.

Apabila memperkatakan tentang kesihatan, kita tidak dapat lari daripada memperkatakan peranan yang dimainkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau ringkasnya dikenali sebagai WHO.

Umumnya, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) merupakan agensi yang berganding dengan Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu untuk menyelaraskan dan memajukan rancangan-rancangan antarabangsa dalam bidang sosial, ekonomi dan bidang-bidang yang berkaitan.

Beribu pejabat di Geneva, WHO telah membahagikan dunia kepada enam kawasan iaitu Afrika, Amerika Syarikat, Tenggara Asia, Mediterranean Timur dan Pasifik Barat.

Setiap kawasan ini mempunyai satu Pejabat Kawasan dengan memikul tanggungjawab yang banyak untuk melaksanakan projek-projek dan rancangan di kawasannya dengan matlamat utamanya untuk mencapai peringkat kesihatan tertinggi bagi semua penduduk.

Secara amnya, WHO menjalankan khidmatnya ke seluruh dunia dengan menghulurkan bantuan kepada sesebuah negara dan menggalakkan penyelidikan perubatan yang tentunya memberi faedah serta manfaat kepada semua negara di dunia.

Tidak setakat itu, bantuan-bantuan turut diberikan kepada negara-negara yang memohon. Bentuk bantuan yang diberikan seperti:

- Basiswa untuk melanjutkan pelajaran ke seberang laut.
- Bantuan untuk membasmi malaria.
- Bantuan bagi memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan.
- Menguruskan penyiasatan ke atas penyakit barah dan lemah jantung supaya dijalankan mengikut garis-garis yang sama antara negara-negara dan telah mengatur satu rangka makmal-makmal antarabangsa yang mengesan organisme-organismenye penyakit.
- Membaiki vaksin-vaksin.
- Melatih pekerja-pekerja penyelidikan.

Sebagai sebuah badan yang ditubuhkan bukan berorientasikan mendapat keuntungan, WHO memerlukan bantuan dalam bentuk **dana** dan kepakaran bagi meneruskan operasinya.


Biasanya WHO mendapat dana melalui negara-negara tertentu terutamanya negara maju yang melaksanakan tanggungjawab sosialnya.

Dengan dana yang terkumpul, WHO dapat menggerakkan misi-misinya untuk menjelajah ke seluruh dunia dan menawarkan khidmatnya.

Sehingga ke hari ini banyak negara yang telah menerima bantuan daripada pertubuhan dunia ini.

Hasil daripada bantuan yang diterima, perkhidmatan kesihatan dan perubatan telah dipertingkatkan mutunya.

Sumbangan WHO banyak diberikan kepada negara-negara membangun dan miskin. Hal ini tidak dapat



MASALAH kekurangan zat makanan sering kali menjadi penyebab kematian kanak-kanak di negara miskin.



dielakkan kerana di negara inilah, kebanyakan penyakit berjangkit dan masalah sosial termasuklah keburluran menjadi-jadi.

Masalah sebegini amat sukar diatasi apabila negara tersebut tidak mempunyai dana mencukupi akibat miskin, rakyat kurang pendidikan dan pengetahuan berkaitan pencegahan penyakit, sistem pembekalan air bersih yang buruk dan sebagainya.

Tugas WHO juga dipermudahkan apabila terdapat ramai sukarelawan termasuklah mereka yang pakar dalam bidang perubatan sedia menghulurkan bantuan.

Dengan berusaha mengekalkan tahap kesihatan yang baik, barulah penduduk dunia dapat menjalani kehidupan seharian dengan lebih sempurna, ceria dan terhindar daripada penyakit berjangkit yang berbahaya.



ANCAMAN penyakit SARS antara fenomena penyakit terbaharu yang mengancam kesihatan penduduk dunia.

SOALAN & HURAIAN

Apakah perkhidmatan yang diberikan oleh WHO?

Antara perkhidmatan yang diberikan oleh WHO ialah memberi penerangan mengenai kejadian penyakit cacar, taun dan lain-lain penyakit antarabangsa yang penting. WHO juga menerbitkan senarai sebab-sebab kejadian penyakit, kemalangan dan kematian sebagai rujukan di mana kebanyakan negara menjadikannya sebagai dasar statistik kesihatan mereka.



PERTUBUHAN KOMANWEL

PENGENALAN

Suatu ketika dahulu, banyak negara yang menjadi mangsa kepada penjajahan negara kuasa besar lain khususnya negara Barat. Antara tujuan penaklukan adalah untuk mendapatkan segala sumber kekayaan negara terbabit bagi dibawa keluar ke negara penjajah.

Penaklukan ke atas negara lain juga bertujuan mendapatkan pasaran yang lebih luas bagi produk negara penjajah. Antara negara kuasa besar dunia yang paling aktif menjajah adalah kerajaan Inggeris atau British, di mana negara kita juga menjadi salah sebuah daripada tanah jajahannya.

Dunia telah menyaksikan pertubuhan Komanwel sehingga kini berjaya memainkan peranannya dengan begitu baik sekali. Pertubuhan ini secara umumnya ialah persatuan negara-negara yang suatu masa pernah menjadi sebahagian daripada tanah jajahan Britain. Negara bekas jajahan ini terdiri daripada pelbagai benua.

Negara-negara merdeka dan berdaulat menjadi anggota penuh Komanwel, sementara wilayah atau negeri yang masih dijajah berupa ahli bersekutu dan setiap negara anggota menguasai sepenuhnya hal ehwal negara masing-masing.



SESETENGAH negara Komanwel seperti India mempunyai penduduk yang terlalu ramai hingga kekayaan negara tidak dapat digunakan untuk tujuan pembangunan.

Berbeza dengan pertubuhan lain, pertubuhan Komanwel tidak mempunyai perlembagaan atau peraturan tertentu yang mewajibkan semua anggota patuh kepadanya.

Pertubuhan Komanwel juga tidak mempunyai perjanjian-perjanjian yang mengikat sesebuah negara anggota.

Oleh itu, mana-mana negara bebas sama ada hendak keluar daripada pertubuhan atau sebaliknya. Namun sekiranya negara tersebut mengambil keputusan keluar dari Komanwel, tentu ia kerugian banyak perkara termasuklah membabitkan kerjasama dan ekonomi.

Dilihat dari segi sejarah penubuhan Komawel, idea pembentukannya datang dari Lord Roseberry, bekas setiausaha British pada tahun 1884.

Walau bagaimanapun, pembentukan Komanwel hanya menjadi kenyataan pada tahun 1931.

Ia bermula apabila negara seperti Australia, Kanada, New Zealand dan Afrika Selatan diberikan hak sama taraf dengan Britain dalam lingkungan Komanwel British.

Apabila Pakistan, India dan Ceylon (kini Sri Lanka) mencapai kemerdekaan sekitar tahun 1940-an, kemasukan mereka secara tidak langsung telah menguatkan lagi pertubuhan itu.

Ghana, selepas merdeka pada tahun 1957 merupakan negara kulit hitam Afrika pertama yang menganggotai Komanwel dan diikuti oleh negara kita, Malaysia pada tahun yang sama, serentak dengan tahun kemerdekaannya.

Daripada lapan buah negara yang menyertai Komanwel pada 1950, ia berkembang kepada 11 pada tahun 1960, menjadi 30 pada tahun 1970 dan seterusnya menjadi 47 buah pada 1982.

Kini, pertubuhan Komanwel terdiri daripada 54 buah negara anggota yang datang dari seluruh dunia.

Secara ringkasnya, perkembangan Komanwel boleh dibahagikan kepada tiga tahap iaitu:

TAHAP PERTAMA

Pada tahap pertama dikenali British Commonwealth hingga ke tahun 1948 dan dianggap sebagai kelab elit untuk negara orang berkulit putih yang juga merupakan pakatan ketenteraan antara Britain, Australia, Kanada, New Zealand dan Afrika Selatan.

TAHAP KEDUA

Tahap kedua bermula apabila India, Sri Lanka dan Pakistan diterima sebagai ahli. Ini diikuti Malaysia yang menjadi negara kesembilan menyertai pertubuhan ini.

TAHAP KETIGA

Tahap ketiga merupakan proses kelahiran negara yang baru merdeka. Walaupun negara-negara Komanwel bersatu dalam sebuah pertubuhan, namun konflik tetap berlaku sehingga menggugat keutuhan pertubuhan berkenaan. Misalnya negara Pakistan telah bertindak nekad dengan

meninggalkan Komanwel pada tahun 1972 kerana tindakan negara anggotanya mengiktiraf penubuhan Pakistan Timur atau dikenali sebagai Bangladesh.

Selain itu, negara Fiji turut disingkirkan pada tahun 1987 akibat masalah dalaman yang dihadapinya menimbulkan rasa kurang senang negara Komanwel yang lain.

Komanwel turut berhadapan dengan masalah dalaman negara seperti dalam kes Tanzania dan Ghana pada tahun 1965.



RATU Elizabeth, Raja Permaisuri Britain yang juga menjadi simbol perpaduan negara-negara Komanwel.

Antara manfaat utama yang dapat diperoleh oleh negara-negara Komanwel adalah melalui persidangan yang diadakan. Ketua-ketua kerajaan Komanwel biasanya mengadakan pertemuan sekali dalam setiap dua tahun.



Dalam Sidang Kemuncak ini (CHOGM - Commonwealth Heads of Government Meeting), ketua-ketua kerajaan akan bertukar-tukar pandangan secara bebas berhubung berbagai-bagai isu, sama ada dalam melibatkan negara dalam Komanwel mahupun masalah antarabangsa.

Antara Mesyuarat CHOGM yang pernah diadakan termasuklah di negara yang berikut:

- a) Singapura pada tahun 1971
- b) Ottawa, Kanada pada tahun 1973
- c) Kingston, Jamaica pada 1975
- d) London, United Kingdom pada tahun 1977
- e) Lusaka, Zambia pada tahun 1979
- f) Melbourne, Australia pada tahun 1981
- g) New Delhi, India pada tahun 1983
- h) Nassau, Bahamas pada tahun 1985
- i) Vancouver - Kanada pada tahun 1987
- j) Kuala Lumpur, Malaysia pada tahun 1989
- k) Harare, Zimbabwe pada tahun 1991
- l) Limassol, Cyprus pada tahun 1993
- m) Auckland, New Zealand pada tahun 1995
- n) Edinburgh, United Kingdom pada 1997
- o) Durban, Afrika Selatan pada tahun 1999
- p) Coolum, Brisbane, Australia pada tahun 2002

Dalam setiap persidangan CHOGM yang diadakan, pelbagai isu akan diketengahkan untuk diperbincangkan.

TERDAPAT pelbagai masalah dalaman yang berlaku kepada sesebuah negara hingga menggugat kedudukannya dalam pertubuhan Komanwel.



Persidangan CHOGM yang berlangsung di Harare, Zimbabwe misalnya telah berikrar untuk mempertingkatkan pembangunan dan menghapuskan kemiskinan negara anggota, melindungi alam sekitar, memperjuangkan hak sama rata bagi kaum wanita dan mempergiatkan usaha-usaha bagi membantaras penderasan dadah.

Pada Sidang Kemuncak CHOGM sebelumnya yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 1991, Malaysia telah mengisytiharkan Deklarasi Langkawi.

Antara tema utama Deklarasi Langkawi adalah menggesa masyarakat antarabangsa mengambil langkah-langkah konkrit bagi mengatasi masalah pencemaran alam sekitar dunia.

Keseluruhannya, CHOGM boleh memainkan peranan penting ke arah menjaga kebajikan dan masa depan negara anggota-anggotanya.

Tambahan pula kebanyakan negara Komanwel turut menganggotai beberapa pertubuhan dunia lain seperti Kumpulan Lapan (G8).

Di samping itu, lebih membanggakan lagi apabila suara mahupun apa jua pendirian dan keputusan CHOGM boleh terus dipanjangkan dan diperdengarkan dalam forum-forum antarabangsa lain pula.

SISIPAN INFORMASI

Antara peristiwa menyedihkan sepanjang penubuhan Komanwel ialah penyingkiran negara Afrika Selatan pada tahun 1961.

Penyingkiran negara dari benua Afrika itu disifatkan sebagai membantah tindakan negara pertubuhan itu yang diperintah rejim kulit putih yang mengamalkan dasar aparteid.

Dasar aparteid adalah dasar bersifat diskriminasi terhadap rakyat kulit hitam Afrika Selatan yang juga menjadi kaum majoriti di negara tersebut.



PERTUBUHAN NEGARA ISLAM

PENGENALAN

Bagi masyarakat Islam, menjalinkan hubungan erat di kalangan negara-negara Islam yang lain di dunia tentunya suatu amalan yang menguntungkan banyak pihak.

Selain mengeratkan hubungan antara sesama muslim sedunia, negara-negara Islam terbabit juga dapat berkongsi segala pandangan dan idea untuk kemajuan bersama. Mereka juga dapat bersatu hati dalam memperjuangkan apa jua kepentingan ummah membabitkan Islam dan para penganutnya.

Justeru, wujudlah Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) yang ditubuhkan pada bulan Mei 1971. Pertubuhan ini dianggotai oleh 46 buah negara Islam yang pada awalnya dikenali sebagai Komanwel Islam atau Sekretariat Islam.

Umumnya, matlamat utama penubuhan OIC adalah untuk mengeratkan perpaduan dan kerjasama di kalangan negara anggota yang terbuka kepada semua negara Islam dunia dalam bidang ekonomi, sains, sosial dan kebudayaan di samping memperkukuhkan lagi kerjasama di kalangan umat Islam bagi memelihara kehormatan, kemerdekaan dan hak bangsa.

Antara agenda paling penting yang dimainkan oleh OIC ialah mewujudkan kerjasama antara negara-negara anggota bagi menyokong perjuangan rakyat Palestin dan Pertubuhan Pembebasan Palestin untuk mendapatkan kembali tanah air mereka yang diduduki oleh Israel.

Secara ringkasnya, konflik Palestin-Israel dari dahulu sehingga kini masih gagal mencari jalan penyelesaian sehingga menjadi medan utama perjuangan pertubuhan OIC.

Selama lebih lima dekad, pelarian Palestin yang terdiri daripada masyarakat Islam dan Kristian tidak dibenarkan pulang ke kampung halaman mereka yang kini dijajah Israel.

Hal ini terjadi selepas tercetus perang pada tahun 1948 yang berpegang kepada dasar ingin mewujudkan sebuah negara Yahudi di bumi Palestin.

Masyarakat dunia turut menyokong usaha yang dilakukan oleh pelarian Palestin untuk kembali ke tanah air mereka termasuk melalui United Nations Relief and Works Agency (UNRWA), sebuah pertubuhan utama yang menjaga kebajikan pelarian.

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh negara-negara anggota OIC untuk membebaskan Palestin namun sehingga kini, lorong kejayaan amat sukar kelihatan.

Tidak hanya itu, Sidang Damai Asia Barat yang telah diadakan pada 30 Oktober 1991 di Madrid, Sepanyol bagi menamatkan persengketaan Arab-Israel juga gagal mencari jalan penyelesaian. Rejim Tel Aviv enggan dan berkeras dari berundur di wilayah-wilayah Arab yang didudukinya sebagai tukaran untuk perdamaian negara-negara Arab.

Tidak terhad kepada isu Palestin, OIC juga memainkan peranan dalam banyak perkara lain termasuklah kerja-kerja kemanusiaan.

OIC pernah memberi bantuan kepada negara-negara Islam di benua Afrika yang dilanda malapetaka dan penderitaan seperti dilanda gempa bumi, banjir dan sebagainya.



PERCANGGAHAN pendapat sesama negara anggota dalam OIC turut menjadi punca kelemahan organisasi ini dalam banyak perkara.



UMAT Islam hanya akan mengecapi kemajuan sekiranya mereka berusaha menguasai pelbagai disiplin ilmu dan kepakaran.

Program bantuan yang diberikan ini meliputi negara-negara seperti Somalia, Senegal, Guinea-Bissau, Mali, Gambia, Niger dan Mauritania.

Keseluruhannya, OIC begitu komited dengan permasalahan yang melanda negara-negara Islam seperti isu umat Islam ditindas kaum lain yang menafikan hak mereka.

Oleh itu, pelbagai cara dan usaha diambil untuk membantu golongan ini yang tidak hanya bersuara di pentas antarabangsa tetapi turut menghulurkan bantuan termasuklah kewangan.

SOALAN & HURAIAN

Apakah antara sumbangan Malaysia dalam OIC?

Pada penghujung tahun 1992, negara-negara Islam termasuk Malaysia telah menghantar bantuan makanan kepada mangsa perang di Bosnia-Herzegovina yang dirundung masalah penghapusan kaum Islam di negara itu oleh puak Serb yang membenci penganut Islam.



PERGERAKAN NEGARA BERKECUALI

PENGENALAN

Selepas 15 tahun Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ditubuhkan, banyak negara yang dijajah telah mencapai kemerdekaan. Negara baru merdeka ini kemudiannya telah memohon untuk menyertai menjadi anggota PBB.

Dalam pada itu, terdapat sesetengah negara yang baru merdeka terus terikat kepada kuasa penjajah dalam pelbagai bentuk, terutamanya pergantungan pada sektor ekonomi, perdagangan dan pertahanan akibat pelbagai kekurangan yang dialaminya.

Pergantungan kepada negara bekas penjajah ini seterusnya menyaksikan negara-negara berkenaan terpaksa memihak kepada bekas-bekas penjajah dalam apa jua isu antarabangsa.

Serentak dengan itu, hubungan antarabangsa telah terbahagi kepada dua blok fahaman politik utama yang berbeza iaitu pihak demokrasi dan pihak komunis.

Situasi ini akhirnya menyebabkan renggangnya hubungan antara Barat dan Timur. Walau bagaimanapun, PBB mampu mencegah **konfrontasi** antara kedua-dua blok daripada berlakunya peperangan.



Di tengah-tengah keadaan inilah, negara-negara yang sedang membangun di Asia, Afrika dan Amerika Latin telah bersepakat untuk membentuk Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM).

Antara tujuan utama penubuhan NAM adalah sebagai mengambil jalan tengah untuk tidak memihak kepada mana-mana blok, sama ada blok negara Barat ataupun Timur. Dengan cara ini, keseimbangan kuasa akan wujud, sekali gus mengurangkan risiko berlakunya perang antara negara yang berfahaman berbeza-beza.

Pelopor utama NAM terdiri daripada tokoh-tokoh negarawan besar pada ketika itu termasuklah Soekarno, Jawaharlal Nehru, Nasser dan Tito.

Ringkasnya, NAM ditubuhkan selepas sidang Afro-Asia di Bandung, Indonesia pada bulan April 1955 yang pada awalnya berjuang untuk membebaskan negara takluk kuasa penjajahan daripada belunggu penjajahan dan mencapai kemerdekaan.

Menerusi Persidangan Afro Asia yang diadakan telah menghasilkan sepuluh Prinsip Bandung berkaitan NAM. Antaranya termasuklah:

- i. Menghormati hak asasi manusia dan prinsip-prinsip Piagam PBB.
- ii. Menghormati akan kedaulatan dan keutuhan wilayah semua negara.
- iii. Mengakui persamaan semua ras dan negara.
- iv. Memajukan kepentingan-kepentingan bersama.
- v. Mengelakkan campur tangan dalam hal ehwal sesebuahnegara.
- iv. Penyelesaian semua pertelingkahan antarabangsa secara aman dan damai seperti menerusi rundingan.

Biarpun begitu, tidak ada peraturan atau pra-syarat yang ketat untuk negara-negara yang telah mencapai kemerdekaan untuk menjadi anggota NAM agar tidak menyusahkan mana-mana pihak.

Justeru, kita dapat saksikan keanggotaan negara dalam NAM amat longgar dari pelbagai fahaman, ideologi dan pendirian.



MALAYSIA pernah menjadi negara tuan rumah persidangan NAM 2003 yang diadakan di Kuala Lumpur.

Sejak itu, keanggotaan NAM kian bertambah apabila lebih banyak negara jajahan mencapai kemerdekaan.

Malangnya kini sesetengah negara-negara terbabit kembali dijajah dalam bentuk yang baharu, sama penjajahan pemikiran, ekonomi atau penjajahan dengan negara penjajah menempatkan tentera asing di tanah airnya.

Apa yang pasti, sebagai sebuah pertubuhan berkecuali, negara-negara anggota NAM hendaklah membebaskan diri dari cengkaman mana-mana kuasa besar yang berkepentingan bagi membolehkan mereka memainkan peranan yang sewajarnya.

Ini disebabkan jika pembebasan diri dari penguasaan dan pengaruh kuasa besar tidak dapat dilakukan, peranan negara anggota ini tidak akan

berkesan bahkan boleh disifatkan negara berkenaan menjadi **proksi** kuasa besar bagi menyuarakan kepentingannya dalam NAM.

Apa pun yang pastinya, negara-negara anggota NAM mewakili penduduk terbesar dan sebagai perkumpulan organisasi terbesar selepas PBB.

Justeru ia perlu mempunyai iltizam untuk berperanan lebih berkesan. Di PBB, NAM boleh menjadi satu suara mewakili negara-negara kecil dan jika ada kesatuan dalam NAM, sudah pasti ia akan diberi pengiktirafan yang sewajarnya.

NAM juga seharusnya bijak memainkan peranan sebagai sebuah kuasa antiperang yang mahukan perdamaian.



SIKAP berkecuali boleh mengelak berlakunya perang.



Negara-negara yang menjadi anggota NAM mesti bersatu serta kekal sebagai pertubuhan negara-negara yang bebas, merdeka dan berdaulat. Para pemimpin mesti bersatu hati dalam apa jua perkara membabitkan kepentingan bersama.

Negara anggota dalam NAM tidak boleh diperalatkan oleh kuasa tunggal dunia. Dengan berkat kekuatan suara ramai, NAM boleh mencapai matlamat penubuhannya.

Atas kepentingan ini, apa jua pertikaian anggota NAM perlu diselesaikan secara aman.

Di samping itu, sekiranya ada negara anggota yang tunduk pada pengaruh kuasa besar tertentu, mereka perlu melepaskan diri daripada belenggu itu kerana sikap dan pendirian yang pro negara tertentu bercanggah dengan asas keanggotaan dalam NAM.

Sesungguhnya, NAM perlu menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi supaya dapat memenuhi peranan baharunya yang bukan lagi sebagai kuasa di tengah-tengah perimbangan kuasa Timur dan Barat tetapi untuk menjadi kuasa yang diiktiraf menghadapi kuasa tunggal dunia.



SOALAN & HURAIAN

Apakah yang dimaksudkan sebagai order baharu dunia?

Order baharu dunia seumpama tatacara atau aturan dunia yang digubal oleh sebuah kuasa besar yang mahu negara-negara lain tunduk pada kehendak dan aspirasinya, tanpa mengambil kira kepentingan banyak negara lain termasuklah negara miskin.



PERTUBUHAN NEGARA ASIA TENGGARA

PENGENALAN

Deklarasi Bangkok pada 8 Ogos 1967 telah membawa kepada tertubuhnya Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara atau lebih dikenali sebagai ASEAN.


Deklarasi Bangkok telah ditandatangani oleh kelima-lima menteri luar negara anggota yang terdiri daripada Tun Thanat Khoman dari Thailand, Tun Adam Malik dari Indonesia, S. Rajaratnam dari Singapura dan Tun Abdul Razak dari Malaysia.

Selepas 13 tahun penubuhannya, Brunei telah menyertai ASEAN pada 7 Januari 1984.

Penubuhan ASEAN secara umumnya mempunyai sejarah yang tersendiri di mana ia wujud hasil daripada kegagalan dua pertubuhan serantau yang terdahulu iaitu Pertubuhan Asia Tenggara (ASA) dan MAPHILINDO.

Pertubuhan Asia Tenggara yang ditubuhkan pada 31 Julai 1961 yang dianggotai oleh Filipina, Negara Thai dan Tanah Melayu. Pertubuhan ini menemui kegagalan kerana berlakunya pertelingkahan ekoran hasrat Tanah Melayu menubuhkan Malaysia.

Filipina telah mengemukakan tuntutan ke atas Sabah yang didakwa sebagai negeri di bawah jajahannya. Sebagai tindak balas,



HUBUNGAN antara pemimpin dalam negara ASEAN sentiasa dipertingkatkan melalui kunjungan dari semasa ke semasa.

Filipina kemudiannya memutuskan hubungan diplomatik dengan Malaysia.

MAPHILINDO yang ditubuhkan pada bulan Ogos 1963 yang dianggotai Malaysia, Filipina dan Indonesia juga menemui kegagalan.

Hal ini disebabkan berlakunya konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia pada 16 September 1963.

Ketika itu hubungan antara rakyat kedua-dua negara menjadi amat tegang sehingga hampir saja mencetuskan peperangan terbuka. Bertitik tolak daripada kegagalan dua pertubuhan tersebut, usaha bersungguh-sungguh telah dilakukan bagi memupuk kerjasama serantau.

Kewujudan ASEAN bukanlah merupakan suatu pakatan tentera bagi melindungi keselamatan dan pertahanan negara-negara.

ASEAN lebih menekankan kepada kerjasama ekonomi dan kestabilan sosial kawasan serantau.

Sidang kemuncak yang pertama ASEAN telah diadakan di Bali pada tahun 1976, diikuti Kuala Lumpur pada tahun 1977.

Seterusnya persidangan ketiga diadakan di Manila pada tahun 1978 dan Singapura pada tahun 1992. Biarpun tidak diperuntukkan dalam mana-mana deklarasi ASEAN, tetapi menteri-menteri lain juga turut mengadakan mesyuarat dari semasa ke semasa.

MATLAMAT PENUBUHAN ASEAN

Sebagaimana penubuhan pertubuhan antarabangsa yang lain, penubuhan ASEAN juga mempunyai



KERJASAMA melibatkan perkongsian kepakaran masih belum dieksploitasikan sepenuhnya antara negara ASEAN.

matlamat tersendiri yang mahu dicapai oleh negara-negara anggotanya. Antara matlamat penubuhannya adalah seperti yang berikut:

- Mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, kemajuan sosial dan perkembangan kebudayaan menerusi kerjasama serantau untuk memperteguh kemakmuran dan keamanan masyarakat Asia Tenggara.
- Menyediakan bantuan antara satu sama lain dalam bentuk kemudahan-kemudahan latihan dan penyelidikan.
- Memupuk dan memelihara keamanan serta kestabilan serantau dengan mengikuti dasar-dasar keadilan undang-undang dalam hubungan antara negara anggota dengan berpegang kepada asas-asas Piagam PBB.
- Mengadakan hubungan erat dan menguntungkan dengan persatuan-persatuan antarabangsa dan serantau yang lain.
- Meningkatkan taraf hidup penduduk negara-negara ahli menerusi kerjasama dalam bidang pertanian, perusahaan dan perdagangan.

Dalam memastikan segala perancangan dan matlamat tercapai, ASEAN sering mengadakan dialog dengan negara-negara maju seperti Jepun, Amerika Syarikat, Kanada, Australia, New Zealand dan sebagainya.

Dialog ini diadakan bagi mewujudkan persefahaman dan kerjasama secara kolektif untuk melindungi ekonomi sendiri dan menghadapi negara-negara perindustrian yang lebih maju.



Selain itu, ASEAN turut menggunakan dialog seumpama ini untuk memperluas pasaran bagi barangan eksportnya, menstabilkan harga komoditi serta mendapatkan bantuan kewangan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan.

Sehingga kini kemajuan ASEAN dalam bidang ekonomi adalah tidak menggalakkan. Ini memandangkan jumlah bilangan projek-projek usaha sama yang telah dilaksanakan masih terhad.

Tidak hanya memberikan tumpuan dalam bidang ekonomi, ASEAN juga turut mengadakan kerjasama di bidang politik dengan mengisytiharkan rantau Asia Tenggara sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali (ZOPFAN) daripada segala bentuk campur tangan asing.

Ini penting bagi menjamin keamanan dan kestabilan politik di seluruh Asia Tenggara serta sekali gus menghindarkan campur tangan politik dan ketenteraan kuasa-kuasa besar seperti China, Rusia dan Amerika Syarikat dalam hal ehwal serantau.

Konsep ZOPFAN pada asasnya telah menetapkan bahawa sebarang pertikaian di Asia Tenggara seharusnya diselesaikan secara aman menerusi perundingan dan bukannya kekerasan ketenteraan.

Di bawah ZOPFAN juga, setiap negara ASEAN harus mempunyai hak untuk menentukan nasibnya sendiri tanpa pengaruh mahupun tekanan dari luar. Selaras dengan itu, negara-negara Asia Tenggara hendaklah bersikap berkecuali dalam hubungannya dengan dunia luar tanpa memihak kepada Blok Barat atau Blok Komunis.



MEGAWATI Sukarnoputri, bekas Presiden Republik Indonesia.



TABUNG KEWANGAN ANTARABANGSA

PENGENALAN

Tabung Kewangan Antarabangsa atau IMF adalah institusi kewangan antarabangsa yang diwujudkan dengan kerjasama beberapa buah negara maju terutamanya kuasa Barat. Malah sumber dana yang besar dimiliki oleh IMF juga suntikan dana daripada negara-negara berkenaan.

IMF dilihat sebagai sebuah institusi kewangan yang mempunyai **kredibiliti** tersendiri, terutama dalam hal-hal menguruskan kawal selia terhadap sistem ekonomi negara dan dunia secara keseluruhannya.

Di IMF terdapat pakar-pakar kewangan yang amat berpengaruh serta mempunyai wawasan yang tersendiri dalam menyediakan pelan kewangan yang terbaik untuk faedah perkembangan ekonomi bersifat antarabangsa.

Pengurusan ekonomi yang mantap serta berhemah mampu menjana pembangunan sesebuah negara dan rakyat tentunya mendapat manfaat daripada keadaan ini.

Bagi negara yang bermasalah dan mahukan penyelesaian secara mudah dan cepat, Tabung Kewangan Antarabangsa atau IMF sering dirujuk sebagai 'penyelamat'.



KEJATUHAN nilai mata wang sesebuah negara boleh menjadi punca berlakunya krisis ekonomi.

Hal ini disebabkan sesetengah negara yang mengalami masalah kewangan yang meruncing akibat salah urus ekonomi atau berlaku keruntuhan ekonomi yang tidak disangka amat memerlukan suntikan dana bagi memulihkan keadaan.

Jika suntikan dana dalam jumlah tertentu tidak diperolehi, ekonomi negara berkenaan mungkin akan runtuh.

Akibatnya akan berlaku huru-hara akibat rakyat kehilangan pekerjaan, barangan tidak dapat dikeluarkan, penutupan bank dan pelbagai gejala buruk yang lain.

Apabila negara yang bermasalah dari segi kewangan ini merujuk kepada IMF, IMF akan menyediakan suatu pakej penyelamat yang dirasakan sesuai menangani masalah ekonomi yang wujud.

IMF pada awalnya bertindak sebagai penyelaras kewangan bagi negara yang terbabit.

Pakar-pakar dari IMF akan membuat anggaran jumlah bantuan kewangan yang diperlukan bagi memulihkan ekonomi negara berkenaan.

Tafsiran jumlah kewangan ini juga mengambil kira semua aspek termasuklah keupayaan negara terbabit membayar balik pinjaman.

IMF juga akan membuat analisis akan punca-punca kejatuhan ekonomi negara terbabit sama ada disebabkan salah urus kewangan, rasuah dan sebagainya.

Kemudian IMF akan menawarkan pelan pemulihan ekonomi yang wajib dipatuhi negara terbabit sebagai pembalasan suntikan tunai yang diperolehi tadi.

Pakej ini bukan sahaja dirangka bagi memulihkan ekonomi negara tersebut, malah untuk memastikan ia dapat membayar semula pinjaman IMF.

Ternyata tindakan IMF menawarkan pakej penyelamatnya telah berjaya di beberapa buah negara seperti di benua Afrika dan Amerika Latin. Biarpun ada yang membuahkan kesan positif, terdapat juga banyak yang gagal.

Kini, pakej penyelamat yang dilaksanakan oleh IMF dilihat semacam mempunyai agenda lain. Pembiaya besar dalam IMF adalah negara kuasa ekonomi dunia, Amerika Syarikat.

Di sebalik bantuan menyelamat yang diberikan, mereka cuba mempengaruhi ekonomi negara yang menerimanya sebagai memenuhi tuntutan yang gagal mereka capai di WTO, ILO, APEC dan sebagainya.


Thailand, Indonesia, Korea Selatan dan Filipina misalnya antara negara yang pernah mendapat bantuan daripada IMF. Pun begitu, bantuan yang diberikan masih belum menampakkan kesan positif dalam ekonomi negara terbabit.

Di Indonesia, serangan spekulator luar ke atas Rupiah menyebabkan mata wang negara tersebut jatuh menjunam berbanding mata wang dolar Amerika.

Apabila Rupiah jatuh ke paras terendah dan bursa saham kian bermasalah, negara itu meminjam daripada IMF bagi menyelamatkan keadaan.

Kesan segera yang dapat dilihat apabila IMF masuk ke Indonesia ialah penutupan 16 buah bank komersial di republik tersebut.

Selain itu, bantuan IMF di Afrika Selatan pada tahun 1985 juga gagal memulihkan ekonomi negara itu. Malah setelah kemasukan IMF, ekonomi negara itu menjadi semakin teruk dengan nilai mata wangnya terus merosot.



AKTIVITI urus niaga mata wang di pasaran memudahkan ia dijatuhkan nilainya secara mendadak bagi membolehkan peniaga mata wang mendapat keuntungan lumayan.



Hal yang sama turut dirasakan oleh Bulgaria, Poland dan Rusia pada tahun 1995. Rusia misalnya menjadi semakin lumpuh ekonominya setelah didatangi IMF dengan jumlah hutang negaranya meningkat melebihi 40 bilion dolar Amerika.

Ternyata bantuan IMF ke Mexico satu-satunya kejayaan yang cukup bersejarah buat tabung dunia itu. Mexico pernah menerima bantuan IMF pada awal tahun 80-an apabila negara itu dilanda krisis ekonomi.

KERUNTUHAN ekonomi
sebuah negara
menyebabkan lebih
ramai rakyat yang
menderita akibat
dibuang kerja.



Dengan syarat-syarat yang ketat, pinjaman jangka panjang IMF itu berjaya memulihkan ekonomi Mexico yang sebelum itu telah menanggung beban hutang berjumlah 80 bilion dolar Amerika. Kejayaan di Mexico mungkin kerana ia negara pertama menerima bantuan tabung berkenaan.

Apa yang menyedihkan, bantuan IMF ke beberapa buah negara lain selepas itu seperti Brazil, Uruguay dan Venezuela ternyata gagal memulihkan keadaan, sebaliknya menjadi semakin teruk dengan hutang yang bertambah.

Ditinjau syarat-syarat yang dikenakan kepada negara yang meminta bantuan daripada IMF, syarat yang dikenakan adalah hampir sama.

Antara syarat utama pemohon IMF ialah sesebuah negara yang menerima bantuan IMF mesti membuka pasaran kewangannya.

Dengan demikian akan mewujudkan potensi risiko terhadap bank-bank tempatan untuk diambil milik sepenuhnya bank asing yang besar. Selain itu, wujud keperluan meningkatkan kadar faedah. Ini boleh mengakibatkan perniagaan terbantut dan tidak dapat berkembang. Malah negara penerima juga diarah menaikkan cukai.



KUMPULAN G - 15

PENGENALAN

Kerjasama ekonomi antara negara amat penting untuk memastikan perkembangan ekonomi dinikmati banyak negara. Kumpulan G-15 dianggotai oleh 15 buah negara dengan objektif utama mengukuhkan kemajuan ekonomi negara-negara Selatan.

Kumpulan G-15 juga dapat mewujudkan hubungan baik dan kerjasama dengan negara-negara industri maju di Barat atau G-7 di Utara demi faedah Utara-Selatan. Antara negara-menganggotai G-15 ialah:

- a. Argentina
- b. Algeria
- c. Brazil
- d. India dan Indonesia
- e. Jamaica dan Malaysia
- f. Mesir dan Mexico
- g. Nigeria dan Peru
- h. Senegal dan Venezuela
- i. Yugoslavia dan Zimbabwe

Dalam merealisasikan objektif penubuhannya, Sidang Kemuncak G-15 telah diadakan di Kuala Lumpur selama tiga hari bermula 1 Jun 1990. Perdana Menteri pada ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad dilantik sebagai pengerusinya.

Antara projek-projek yang dikenal pasti untuk dilaksanakan Kumpulan G-15 termasuklah:

- i. Mekanisme Kewangan Pembiayaan Perdagangan.
- ii. Forum Perniagaan dan Pelaburan.
- iii. Pusat Pertukaran Data Pelaburan, Perdagangan dan Teknologi Selatan.



PERTAMBAHAN jumlah kenderaan di jalan raya menggambarkan taraf hidup sesebuah negara juga telah meningkat.

Manakala Sidang Kemuncak Kedua G-15 telah diadakan di Caracas, Venezuela pada bulan November 1991.

Sidang ini telah mencadangkan dibentuk sistem perdagangan antarabangsa yang lebih terbuka.

Justeru persetujuan telah dicapai bagi menubuhkan Pusat Pertukaran Data Pelaburan, Perdagangan dan Teknologi Selatan (SITTDEC).

Sesungguhnya, kerjasama dalam bidang ekonomi di peringkat yang global berupaya meningkatkan pembangunan sesebuah negara di samping membuka peluang pekerjaan yang lebih meluas kepada rakyat.



MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI ASIA TIMUR

PENGENALAN

Kemampuan dan kejayaan negara-negara dalam ASEAN menyusun strategi dan menangani persaingan dalam bidang ekonomi terbukti berkesan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Malah sesetengah negara ASEAN seperti Singapura, Malaysia, Indonesia dan Thailand terus mengecap kemajuan ekonomi yang menakjubkan saban tahun.

Kadar pengangguran dan **inflasi** juga berada pada kadar yang rendah. Lebih menarik lagi, negara-negara ini juga kian memacu kekuatan dari sektor industri untuk bersaing dengan negara lain yang lebih maju dalam bidang ini.

Pada ketika yang sama bagi memperkukuhkan kemajuan ekonomi masing-masing, suatu pakatan kerjasama ekonomi yang baharu perlu diwujudkan. Ini bagi memastikan kuasa ekonomi baharu di negara ASEAN mampu mengekalkan daya saingnya.

Mesyuarat Para Menteri Ekonomi ASEAN Ke-23 yang berlangsung pada bulan Oktober 1991 telah menerima Majlis Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) sebagai satu projek ASEAN.



Malah dalam Sidang Kemuncak Ketua-ketua Negara ASEAN Keempat yang berlangsung di Singapura pada 28 Januari 1992 telah mengesahkan penerimaan gagasan EAEC secara rasminya.

Namun penubuhan EAEC mula menerima tampanan. Amerika Syarikat selaku kuasa ekonomi dunia bukan sahaja membantah pembentukan EAEC, tetapi kuasa besar ini cuba mempengaruhi negara lain di Asia supaya tidak menyokong gagasan EAEC.

Amerika Syarikat menggesa Jepun dan negara lain agar menolak EAEC memandangkan di rantau Asia-Pasifik telah ada sebuah lagi kesatuan ekonomi yang mana jumlah keahliannya lebih menyeluruh iaitu Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC).

Selain itu, kecenderungan negara membangun membeli syarikat asing menerusi pengambilalihan syarikat turut mengejutkan masyarakat Barat.

Ini sekurang-kurangnya membuka mata negara Barat bahawa kemampuan dan kebolehan negara-negara kecil tidak boleh dipandang ringan.

Dalam masa yang sama, pertumbuhan penduduk di rantau Asia Timur juga merupakan satu faktor penubuhan EAEC mendapat reaksi negatif di kalangan negara Barat.

Jumlah penduduk di rantau Asia Timur yang dianggarkan mencapai 1.8 bilion orang dapat menjadikan rantau ini sebagai satu medan pasaran yang amat berpotensi serta menjadi lebih mampan.

Pertunjuk ekonomi juga turut mengugurkan Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah. Kira-kira 35 peratus daripada jumlah eksport negara Jepun kini adalah ke negara-negara ASEAN dan Asia Timur, sementara hanya 30 peratus ke Amerika Syarikat.

Ini bermakna sekiranya gagasan EAEC mencapai kejayaan, ia akan memberikan daya saing ekonomi yang amat kuat terhadap Amerika Syarikat dan beberapa buah negara Barat yang lain.

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi penubuhan EAEC iaitu:
a. Perkembangan ekonomi yang pesat berlaku di Asia Timur.



TUN Mahathir Mohamad adalah orang kuat di belakang penubuhan EAEC.

b. Kemunculan kumpulan-kumpulan ekonomi serantau di bahagian-bahagian lain dunia.

c. Kegagalan Rundingan Perdagangan Pelbagai Hala dalam Pusingan Uruguay.

Umumnya, EAEC bukanlah satu blok dagangan tetapi memperjuangkan kepentingan dan kerjasama ekonomi sesama negara-negara Asia Timur.

Matlamat penubuhan EAEC untuk menyediakan satu forum atau majlis perundingan berhubung isu-isu ekonomi dan perdagangan yang menjadi kepentingan bersama negara-negara dalam rantau Asia Timur yang memperjuangkan sistem perdagangan dunia yang bebas dan terbuka.

Apa yang pasti, Amerika Syarikat telah memberikan pelbagai alasan untuk tidak bersetuju dengan gagasan EAEC. Hakikatnya, Amerika Syarikat amat bimbang jika negara tersebut disisihkan daripada arus perkembangan dan pertumbuhan ekonomi rantau Asia Timur.



SISTEM ekonomi dunia hari ini banyak digerakkan oleh corak perdagangan elektronik.

SOALAN & HURAIAN

Apakah negara yang terlibat dalam penubuhan EAEC?

Gagasan EAEC yang merangkumi negara-negara ASEAN, Jepun, Korea Selatan, Hong Kong, China dan Taiwan dipelopori oleh Malaysia. Ternyata pembentukannya membimbangkan blok Barat terutamanya Amerika Syarikat.



KERJASAMA EKONOMI ASIA PASIFIK

PENGENALAN

Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik atau ringkasnya APEC telah ditubuhkan pada tahun 1989 di Canberra, Australia. APEC dianggotai oleh 15 buah negara seperti Amerika Syarikat, Kanada, Australia, New Zealand, Jepun, Korea Selatan, China, Taiwan, Hong Kong dan negara-negara ASEAN.

Objektif utama penubuhan APEC adalah untuk memajukan perdagangan bebas dan mengukuhkan kerjasama dalam bidang ekonomi antara negara-negara anggota.

APEC ringkasnya merupakan satu proses perundingan yang tidak formal. Ini dapat dilihat di mana tidak ada peraturan mahupun perjanjian yang mengikat negara-negara anggotanya.

Jika dilihat pada mesyuarat APEC ke-10 di Mexico misalnya, ia tidak membawa apa-apa makna kepada kesejahteraan dunia. Namun sebaliknya ia lebih merupakan pentas untuk kuasa ekonomi Barat menunjukkan kuasanya.

Kebanyakan kenyataan dan rumusan yang dibuat di mesyuarat yang disertai oleh 21 negara di rantau Asia-Pasifik itu masih ditakuk lama sama seperti yang disuarakan 13 tahun lalu.

Isu ekonomi yang berkisar pada pelaksanaan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan persoalan politik yang berkait rapat


dengan keganasan diputar semula tanpa penyelesaian.

Di samping itu, isu keganasan yang dipanjangkan dari insiden 11 September 2001 telah menguasai persidangan.


Persidangan di Mexico pada tahun berikutnya telah menjadi medan untuk pemimpin-pemimpin dunia untuk bersama-sama memerangi keganasan antara-bangsa.

Bagi Malaysia pula, telah diberi tanggungjawab untuk memastikan agenda Amerika Syarikat tercapai apabila Kuala Lumpur terpilih dan bersetuju menjadi ibu pejabat bagi Pusat Latihan Serantau Bagi Mencegah Keganasan di Asia Tenggara.

APEC juga percaya betapa kekuatan ekonomi negara-negara anggota juga bergantung pada pengekaln keamanan dunia daripada sebarang bentuk ancaman.



KEMAJUAN pembangunan sesebuah negara amat bergantung pada kestabilan politiknya.



DIALOG SELATAN-SELATAN

PENGENALAN

Dialog Selatan-Selatan merupakan usaha-usaha kerjasama ekonomi dan teknikal di kalangan negara-negara Dunia Ketiga.

Kerjasama yang kukuh bukan sahaja dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara-negara membangun tetapi juga dapat memperkukuhkan kedudukan mereka dalam rundingan dengan pihak Utara.

Umumnya, Dialog Selatan-Selatan adalah sebahagian daripada hasil kerjasama dalam Pertubuhan Pergerakan Negara-negara Berkecuali dan juga Kumpulan 77 yang kini dianggotai sebanyak 129 buah negara.

Memandangkan prospek Dialog Utara-Selatan yang tidak menjanjikan apa-apa hasil yang menguntungkan kepada negara-negara membangun telah mendorong banyak negara membangun menyokong konsep kerjasama Selatan-Selatan.

Justeru, beberapa persidangan telah diadakan bagi mengasaskan bentuk kerjasama ekonomi di kalangan negara membangun.



GLOSARI

melampau (4)

Golongan yang mengamalkan sesuatu fahaman atau kepercayaan secara yang melampau atau terlalu agresif hingga bertindak melampaui undang-undang.

berdaulat (6)

Hak-hak yang diiktiraf oleh pihak atau negara lain.

restu (8)

Memperoleh keizinan.

pencabulan (8)

Suatu bentuk pencerobohan terhadap hak-hak seseorang atau sesuatu pihak tanpa izinnya.

kompromi (9)

Suatu permuafakatan yang tercapai oleh tolak ansur secara bersama-sama.

dana (12)

Modal, jumlah kewangan.

sukarelawan (13)

Golongan yang melakukan sesuatu perbuatan atau bantuan tanpa meminta upah, melakukannya secara sukarela dengan niat menolong.

elit (16)

Golongan berprestij, hebat.

konfrontasi (22)

Pertelagahan antara negara akibat berlakunya perselisihan faham sesama mereka.



GLOSARI

***berkecuali* (23)**

Sikap atau pendirian yang tidak memihak pada mana-mana, bersikap sama rata.

***ideologi* (24)**

Kepercayaan atau fahaman yang dianuti oleh sesebuah pemerintah sehingga menjadi dasar dalam bentuk pemerintahannya.

***proksi* (24)**

Golongan yang wujud atas dasar mewakili pihak lain yang berkepentingan, bukan mewakili diri sendiri. Ada kalanya mereka juga cuba menyembunyikan pihak yang diwakilinya atas alasan tertentu.

***kolektif* (29)**

Dipersetujui atau dicapai secara bersama-sama, sesuatu hasil yang mewakili kepentingan semua pihak yang terlibat.

***kredibiliti* (30)**

Kewibawaan atau reputasi yang terbukti.

***inflasi* (36)**

Kenaikan harga barangan atau perkhidmatan sehingga menyebabkan pendapatan benar rakyat jatuh secara mendadak.



SOALAN

1. Apakah manfaat diperoleh oleh sesebuah negara jika bertindak mewakili sesebuah pertubuhan?
2. Apakah tujuan utama penubuhan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)?
3. Apakah peranan yang dimainkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)?
4. Bagaimanakah pemilihan negara yang menganggotai Pertubuhan Komanwel dilakukan?
5. Bilakah Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) ditubuhkan?
6. Apakah dasar yang diamalkan oleh Pertubuhan Negara-negara Berkecuali?
7. Bilakah Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) ditubuhkan?
8. Mengapakah peranan yang dimainkan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) sering dipertikaikan?
9. Apakah negara yang menganggotai Kumpulan G-15?
10. Siapakah pemimpin yang mengemukakan idea penubuhan Majlis Persidangan Ekonomi Asia Timur (EAEC)?